

# Skuter nasional penuh cita rasa golongan muda

UM 17 JAN 2003

KUALA LUMPUR 16 Jan. — Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekwil Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini melancarkan skuter nasional pertama, Karisma 125c.c. keluaran Motosikal dan Enjin Nasional Sdn. Bhd. (Modenas).

Skuter empat lejang itu merupakan model ketiga keluaran Modenas selepas Kriss dan Jaguh.

Ia tampil dengan gaya kontemporari, sesuai dengan cita rasa golongan muda dan model itu ditawarkan dengan harga atas jalan yang menarik iaitu RM4,688 sebuah.

Bagaimanapun, 3,000 pembeli pertama Karisma akan ditawarkan harga lebih istimewa dengan menyediakan wang tempahan sebanyak RM50 kepada ejen dan pengedar Modenas di seluruh negara.

Nama Karisma dipilih oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad daripada lima nama yang telah disenarai pendek.

Pembeli Karisma ditawarkan dengan tiga pilihan warna iaitu hijau, me-

rah dan kelabu dengan beberapa ciri tambahan keselamatan termasuk kunci khas untuk tayar dan menggunakan transmisi perubahan berterusan (CVT).

Ia juga mempunyai lampu hadapan besar yang lebih terang selain mempunyai kunci lima dalam satu pelbagai guna untuk kemudahan dan keselesaan pengguna.

Pembuatan dan pembangunan teknologi model tersebut dibangunkan secara usaha sama antara Modenas dan sebuah syarikat dari Taiwan, Motive Power Limited Industries (MPI) yang terkenal dengan pengeluaran skuter berjenama P.G.O.

Modenas menjangkakan penguasaan pasaran domestik skuter sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keseluruhan permintaan motosikal jenis itu iaitu sehingga 36,000 unit tahun ini berbanding 15,400 unit pada 2002.

Modenas juga dijangka akan melancarkan motosikal model keempat dan kelima pada Ogos dan Oktober ini.